## Cara Menghantar Tuntutan melalui PRUServices

**Langkah 1**:
Di halaman utama PRUServices, pergi ke tab “**Tuntutan**” atau “**Kesihatan**” atau “**Perkhidmatan Popular**”, kemudian pilih “**Hantar Tuntutan**”.







PRUDENTIAL BSN TAKAFUL
Halaman utama
Pembayaran
Tuntutan
Kesihatan
Pelaburan
Dokumen
Selamat Datang ke PRUServices
Pengguna kali pertama perlu mendaftar akaun baharu, walaupun mempunyai akaun PruBSN Touch. Pastikan e-mel dan nombor telefon dikemas kini untuk menerima OTP. Isu log masuk? Hubungi 03-2775 7188
PRUServices
Jom cuba perkhidmatan PRUServices baharu kami
Perkhidmatan Popular
Lihat lagi
Buat pembayaran
Bayar untuk keluarga
Lihat Dokumen
Hantar tuntutan
Daftar untuk pemotongan auto
Tukar butiran hubungan

**Langkah 2**: Pilih “**Orang yang Dilindungi**” bagi tuntutan ini dan klik “**Teruskan**”.



**Langkah 3**: Pilih “**Jenis Tuntutan**” dan “**Sijil**” yang ingin dituntut (jika anda mempunyai lebih daripada satu kad perubatan). Kemudian, klik “**Teruskan**”.

**Nota:** Pelanggan hanya boleh memilih satu jenis tuntutan bagi setiap penghantaran.



**Langkah 4**: **Senarai Semak Dokumen** – Tetingkap timbul ini memaparkan dokumen yang perlu dihantar mengikut jenis tuntutan. Klik “**Faham**” untuk meneruskan ke langkah seterusnya.

## Untuk Kemasukan ke Hospital / Pembedahan Harian:



## Untuk Rawatan Pesakit Luar:



**Langkah 5**: Masukkan **butiran invois/bil** dan **muat naik bil serta resit perubatan**, sehingga maksimum 3 invois/bil bagi setiap jenis tuntutan.

**Nota:** Jumlah keseluruhan boleh dilihat di bahagian bawah skrin.



**Langkah 6**: Muat naik dokumen yang diperlukan berdasarkan jenis tuntutan seperti yang dicadangkan. Kemudian, klik "**Teruskan**".



**Langkah 7**: **Butiran & Ringkasan Pembayaran** – Anda boleh melihat dan mengemas kini maklumat akaun pembayaran, diikuti dengan ringkasan penghantaran tuntutan anda (termasuk orang yang dilindungi, jenis tuntutan, maklumat invois/bil, dan dokumen yang dimuat naik).



**Langkah 8**: **Kemas Kini Akaun Pembayaran** – Selepas mengklik butang "**Kemas Kini**", anda akan dibawa ke halaman akaun pembayaran.
Pilih "**Tambah Akaun**" untuk mendaftarkan akaun pembayaran baharu bagi permohonan tuntutan anda.




Hantar Tuntutan
Tutup
Orang yang dilindungi
Jenis tuntutan
Maklumat tuntutan
Muatnaik dokumen
Butiran & ringkasan pembayaran
Ambil perhatian
Sila semak semua butiran dan sahkan pengesahan untuk menghantarkan tuntutan anda.
Maklumat akaun
Nota:
Akaun bank mestilah akaun individu yang sah dengan hanya seorang pemilik.
Bank akan mengesahkan sama ada nama dan nombor NRIC anda sepadan sebelum kami boleh memindahkan dana kepada anda. Jika maklumat di halaman ini berbeza daripada rekod bank anda, sila hubungi Perunding Takaful anda atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.
Nama pemegang akaun
Abcdef Binti Hussein
Nombor kad pengenalan/pasport pemegang akaun
841122512944
Nama bank
CIMB BANK BERHAD
Nombor akaun
1234567890
Pembayar dan saya telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat, termasuk Polisi Privasi.
Batalkan
Sahkan
Smart Saver
MYR 300.00
Butiran manfaat
Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan Terma & Syarat, termasuk Polisi Privasi.
Kembali
Hantar

**Langkah 9**: Sahkan dan tandakan pengisytiharan Terma & Syarat, kemudian klik "**Hantar**".



**Hantar Tuntutan**

Tutup

Orang yang dilindungi | Jenis tuntutan | Maklumat tuntutan | Muatnaik dokumen | **Butiran & ringkasan pembayaran**

**Ambil perhatian**
Sila semak semua butiran dan sahkan pengesahan untuk menghantarkan tuntutan anda.

**Akaun Penerimaan Pembayaran**

Kemas kini

**Kaedah pembayaran**
Pindahan bank

**Nama bank**
MALAYAN BANKING BERHAD

**Pemegang akaun**
ABCDEF BINTI HUSSEIN

**Nombor akaun**
********2909

Pembayaran akan dibuat ke akaun bank di atas. Sila sahkan maklumat adalah betul atau kemas kini butiran akaun penerimaan pembayaran dalam 'Tukar akaun penerimaan pembayaran' (kemas kini akan berkuat kuasa selepas 24 jam).

**Ringkasan**

**Orang yang dilindungi**
ABCDEF BINTI HUSSEIN

**Jenis tuntutan**
Kemasukan ke Hospital/
Pembedahan Harian

**PruBSN AsasLink**
87695107

**HealthProtector**

| | |
|---|---|
| Bilik dan penginapan harian | MYR 200.00/hari |
| Smart Saver | MYR 300.00 |

Butiran manfaat

**Maklumat invois/bil**

**Invois/bil 1** — **MYR 2,500.00**

**Tarikh kemasukan**
01 Feb 2026

**Tarikh discaj**
02 Feb 2026

**Nama hospital/klinik**
GLENEAGLES HOSPITAL KUALA LUMPUR

Medical Bill.pdf
27 KB

**Jumlah amaun** — **MYR 2,500.00**

**Dokumen**

**Kenyataan Doktor**

Laporan perubatan atau kenyataan doktor (Untuk rawatan di luar negara: Laporan perubatan/kenyataan doktor diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dan pasport yang menunjukkan bukti perjalanan)

Doctor Statement.pdf
34 KB

Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan Terma & Syarat, termasuk Polisi Privasi.

Kembali | Hantar

Setelah tuntutan dihantar, anda akan melihat halaman pengesahan penghantaran yang menyatakan:

**Permohonan Telah Dihantar**

Permohonan tuntutan anda telah dihantar untuk semakan kami. Anda akan menerima nombor tuntutan melalui SMS. Kami akan memproses tuntutan tersebut dalam tempoh 13 hari bekerja. Anda boleh menutup tab ini.

**Maklumat yang dipaparkan merangkumi:**

- Orang yang Dilindungi
- Jenis Tuntutan
- ID Rujukan PRUServices
- Jenis Transaksi
- Tarikh Penghantaran

